



"ZAKAT PENYUBUR KETAQWAAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى
وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحِينَهُ وَحَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ
بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَقْوَى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,

Marilah kita sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan memastikan setiap isi kehidupan yang kita lalui



sentiasa dalam keredhaan dan keberkatan dariNya. Kepatuhan secara mutlak terhadap segala perintah Allah SWT akan menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Hari ini, khatib ingin menyampaikan khutbah yang bertajuk : "**ZAKAT PENYUBUR KETAKWAAN**".

Sidang Jumaat yang dikasihi sekelian,

Harta dan kekayaan merupakan antara nikmat yang Allah berikan sebagai memenuhi keperluan hidup manusia di dunia. Ia juga merupakan amanah Allah yang wajib kita manfaatkan pada perkara yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Harta dan kekayaan juga merupakan nikmat yang tidak kekal yang mesti kita manfaatkan untuk kebaikan akhirat dengan disalurkan kepada amalan berzakat, bersedekah atau menginfakkan kepada perjuangan Islam. Amal-amal yang mulia ini harus dilakukan secara istiqamah sementara Allah masih mengekalkan ia dalam kehidupan kita bagi mencapai darjat dan kemuliaan disisi-Nya sebagai bukti seseorang hamba itu bersyukur kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَيْنَ شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَنَكُمْ وَلَيْنَ
كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

"Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu: " Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatku



kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras”.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekelian,

Pelaksanaan ibadah zakat merupakan bukti ketakwaan kita terhadap Allah SWT. Ia juga merupakan tanda pengorbanan kita semata-mata mengharapkan keredhaan dan keberkatan terhadap rezeki yang kita perolehi dan kehidupan yang harmoni.

Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa seluruh makhluk termasuk para malaikat akan mendoakan kebaikan, pertambahan rezeki dan kebahagiaan hidup terhadap orang yang bersikap pemurah kepada golongan fakir dan miskin.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكًا
يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا اللَّهُمَّ أَعْطِيْ مُنْفِقًا خَلَفًا
وَيَقُولُ الْآخَرُ اللَّهُمَّ أَعْطِيْ مُمْسِكًا تَلَفًا

“Tidak ada satu hari yang berpagi-pagi padanya oleh hamba-hamba melainkan ada dua malaikat yang turun kepadanya, maka salah satu dari keduanya berkata (berdoa), “Ya Allah berilah kepada orang-orang yang berbelanja (bersedekah atau berzakat) itu gantinya (yakni ganti kepada harta yang telah disedekah atau dizakatkan)”, dan malaikat yang satu lagi pula berkata (berdoa), “ya Allah berilah kepada orang yang bakhil itu kebinasaan”.

(Riwayat al-Baihaqi).



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekelian,

Sebenarnya, harta-harta golongan fakir miskin yang Allah uji dengan kemiskinan dan kepapaan telah Allah letakkan kepada golongan kaya sebagai harta amanah. Bahkan, bagi golongan kaya, ia juga merupakan ujian Allah SWT untuk mereka setakat manakah dengan nikmat kekayaan yang Allah kurniakan tidak akan melalaikan diri mereka untuk melaksanakan segala perintah Allah SWT.

Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah az-Zariyat ayat 19 :

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِلصَّابِلِ وَالْمَحْرُومِ ١٩

"Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekelian,

Sesungguhnya, ibadah zakat yang dilakukan juga dapat menyelamatkan diri kita daripada kesengsaraan di akhirat. Nabi Muhammad SAW menceritakan kepada para sahabat perihal kepayahan, kesusahan dan kesengsaraan manusia ketika di Padang Mahsyar kelak. Namun, kesusahan dan kepayahan itu dilenyapkan melalui amalan berzakat dan bersedekah yang pernah mereka lakukan sewaktu hidup di dunia dahulu.

Hadis daripada Anas RA bahawa Nabi SAW bersabda:

الصَّدَقَةُ تُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ



"Sedekah itu memadamkan kemarahan Allah SWT".

(Riwayat al-Baihaqi).

Amalan zakat juga merupakan bukti hubungan kasih dan sayang yang terjalin sesama umat Islam tanpa mengira pangkat dan darjah. Bermula dari rasa keikhlasan yang mendalam pada hati lalu dizahirkan melalui tindakan dan amalan dengan membantu orang lain yang memerlukan. Amalan yang datang dari hati ini akan menghubungkan juga hati insan lain yang akan mencetuskan rasa ta'awun (saling membantu), ukhuwah dan mahabbah melalui doa yang penuh tulus ikhlas daripada penerimanya sebagaimana doa yang cukup istimewa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang diberitahu oleh Rabi' RA iaitu :

**آجِرَكَ اللَّهُ فِيمَا أَعْطَيْتَ وَبَارَكَ فِيمَا أَبْقَيْتَ
وَجَعَلَ اللَّهُ لَكَ طَهُورًا**

"Semoga Allah mengurniakan pahala sebanyak-banyaknya atas apa yang kamu tunaikan dan semoga Allah memberkati baki harta yang ada padamu dan semoga pemberianmu ini merupakan pensucian dan pembersihan terhadap dirimu dan hartamu".

(Riwayat al-Baihaqi).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita menunaikan ibadah zakat yang difardhukan. Pihak Lembaga Zakat Selangor menyediakan pelbagai kemudahan untuk umat Islam menyelesaikan kewajipan zakat ini. Kemudahan seperti 26 kaunter pembayaran zakat di setiap daerah, pembayaran melalui potongan gaji



bulanan, kemudahan perbankan internet dan pelbagai lagi kemudahan wajar dimanfaatkan sebaiknya demi memastikan kewajipan rukun Islam ke-3 ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekelian,

Peranan zakat pada hari ini cukup penting untuk membela ummah dan menyempurnakan hak masyarakat yang memerlukan pembelaan dan bantuan. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada jumlah sumbangan dan pengagihan zakat yang telah banyak membantu membela golongan asnaf di Selangor.

Berdasarkan kepada rekod agihan zakat di Selangor pada tahun 2013, sejumlah lebih RM500 juta telah diagihkan dengan sempurna kepada setiap 8 asnaf yang dinilai layak di negeri ini. Bantuan yang diberikan termasuklah bantuan kewangan dan makanan bulanan, bantuan yuran pendidikan sekolah dan IPT, bantuan perubatan, bantuan modal perniagaan, bantuan pembinaan dan baik pulih rumah, bantuan saguhati Ramadhan dan Hari Raya, bantuan pembangunan institusi masjid dan sekolah serta pelbagai lagi bentuk sumbangan dan bantuan diberikan yang menjurus kepada pembelaan hak, pembangunan rohani dan jasmani ummah serta mengangkat martabat umat Islam agar mencapai kecemerlangan dalam segenap aspek kehidupan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekelian,

Berdasarkan kepada keterangan dan penjelasan dalam khutbah ini, maka Umat Islam hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:



1. Marilah kita menginsafi diri untuk menjadi hamba Allah yang bertaqwa dengan menunaikan kewajipan zakat sebagai bukti kecintaan kita kepada Allah SWT.
2. Allah menjanjikan kemurahan dan keberkatan rezeki, ketenangan jiwa serta kebahagian hidup bagi hamba-hamba-NYA yang mengeluarkan zakat terhadap harta yang dimiliki.
3. Jauhilah sikap bakhil, kedekut, sompong dan mementingkan diri sendiri kerana kesemua sikap mazmumah itu mengundang kemurkaan Allah SWT.
4. Pastikanlah segala harta kita seperti pendapatan, emas dan perak, saham-saham yang patuh syariah, perniagaan kita, hasil tani dan penternakan telah disucikan dengan berzakat atasnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرَا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

٢٧٤

“Orang-orang yang menafkahkan hartanya di malam dan di siang hari secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka mendapat pahala di sisi Tuhan-Nya. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati”.

(al-Baqarah - 274).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُو، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٌ عَلَيْهِ
وَسَلَامٌ ؎ تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ
بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
جَلَالَةً مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka



yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنِ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.